

05 OCT 2000

Guru-Hasut

GURU SEKOLAH AGAMA DIKESAN HASUT MURID BENCI KERAJAAN

MELAKA, 5 Okt (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam hari ini meminta Kementerian Pendidikan menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya ke atas seorang guru kerana berceramah politik di dalam kelas.

Guru itu telah berceramah hampir dua jam dengan menghasut murid tingkatan satu di Sekolah Menengah Agama Sultan Muhamad, Batu Berendam di sini supaya membenci Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan, katanya kepada pemberita di sini.

Perbuatan beliau diketahui apabila seorang murid melaporkan perkara itu kepada bapanya, kata Mohd Ali.

"Saya dukacita dengan guru itu yang telah melakukan tindakan yang di luar bidang tugasnya...dia menghina Dr Mahathir sebagai tua dan sakit serta menuduh kerajaan zalim," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima laporan aduan mengenai kejadian itu dari Othman Mohamad, seorang anggota jawatankuasa Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) sekolah berkenaan.

Mohd Ali berkata beliau menyerahkan kepada Jabatan Pendidikan negeri dan kementerian untuk menyiasat dan mengambil tindakan disiplin ke atas guru terbabit.

"Jika kes itu melibatkan kakitangan agensi kerajaan negeri, kita akan mengambil tindakan serta merta seperti tindakan yang telah diambil ke atas kakitangan Kolej Islam Melaka," katanya.

Seorang kakitangan kolej berkenaan tidak disambung kontraknya baru-baru ini setelah didapati berkempen bagi parti pembangkang.

Sementara itu, Othman berkata guru berumur 52 tahun itu berceramah dalam sebuah kelas tingkatan satu pada 19 Sept lalu.

"Saya dimaklumkan mengenai perbuatannya oleh anak saya...satu laporan polis telah dibuat selepas saya mendapat maklumat yang sama daripada lima orang lagi rakan sekelas anak lelaki saya," katanya.

Beliau berkata PIBG memandang serius perbuatan guru itu kerana hasutan seperti itu boleh menimbulkan bibit kebencian dan sikap biadap murid terhadap pemimpin negara dan orang yang lebih tua.

Siasatan PIBG juga mendapati guru itu telah berkempen dan menghasut murid sejak pilihan raya umum tahun lalu, katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pendidikan negeri mengesahkan bahawa kes itu sedang disiasat.

-- BERNAMA

MOZ AKD